

30 AUG 1996

SABAH BERHAK TENTUKAN SYARAT PASPORT, KATA PM

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sabah boleh memutuskan sama ada mahu meneruskan pelaksanaan penggunaan pasport bagi penduduk negeri lain yang memasuki negeri ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata setakat ini peraturan itu tidak banyak mendatangkan masalah kepada penduduk negeri lain yang memasuki Sabah.

"Saya ingat, tak ada (masalah memasuki Sabah)... ada susah lagikah? Saya tak tahu ada susah apa-apa. Orang Semenanjung nak pergi sini, boleh dan orang sini nak pergi Semenanjung pun tak ada masalah," katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas melancarkan kempen "Malaysia Boleh, Sabah Boleh" di sini.

"Bila tiba masanya, Sabah akan memutuskan (perkara itu)," katanya.

Beliau ditanya pemberita sama ada perlu bagi Sabah untuk meneruskan penggunaan pasport bagi rakyat negeri lain yang ingin memasuki negeri itu.

Kuasa Imigresen, termasuk penggunaan pasport terhadap mana-mana rakyat Persekutuan yang memasuki negeri ini, merupakan antara prasyarat bagi penyertaan Sabah dalam gagasan pembentukan Malaysia pada 1963.

Bagaimanapun, peraturan itu tidak terpakai bagi mereka yang memasuki negeri ini dari Wilayah Persekutuan Labuan. -- BERNAMA

JS KG NAK